

Pengaruh Kemahiran Literasi Media dalam Konteks Pengundi Muda Baharu di Malaysia

SITI NURSHAHIDAH SAH ALLAM
NORMAH MUSTAFFA*
MOHD NOR SHAHIZAN ALI
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Teknologi media telah menjadi kuasa transformatif dalam membentuk sfera politik sehingga mendorong penggubalan dasar penurunan had umur mengundi dilaksanakan di Malaysia. Penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun tanpa kajian empirikal dilaporkan mencetus isu kesediaan penyertaan politik. Kajian ini berpendapat kemahiran literasi media daripada dimensi struktur proses maklumat politik mempengaruhi kesediaan penyertaan politik. Objektif kajian ini untuk menilai pengaruh kemahiran literasi media daripada dimensi struktur proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Terdapat tujuh kemahiran proses maklumat politik yang diuji, iaitu kemahiran analisis, penilaian, pengelompokan, induksi, deduksi, sintesis dan abstrak. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bersemuka dan persampelan rawak mudah ke atas 547 responden yang berumur 18 tahun hingga 26 tahun. Bagi memastikan pengumpulan data yang strategik mewakili seluruh Malaysia, peta Malaysia dibahagikan kepada Zon Utara, Selatan, Timur, Barat dan Borneo merangkumi kawasan bandar dan luar bandar. Kajian ini melaporkan kemahiran induksi (mahir kenal maklumat sah), deduksi (maklumat politik bentuk kesediaan penyertaan politik) dan sintesis (mahir cipta maklumat politik) mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Namun, kemahiran analisis, penilaian, pengelompokan dan abstrak tidak mempunyai pengaruh yang signifikan. Kajian ini mencadangkan kerjasama strategik antara Kementerian Belia dan Sukan bersama Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk pendedahan kemahiran literasi media. Projek strategik serampang dua mata ini dijangka memperkasakan kemahiran literasi media dan meningkatkan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia.

Kata kunci: *Literasi media, pengundi muda baharu, kemahiran proses maklumat politik, penyertaan politik, mengundi.*

The Influence of Political Information Processing Skills among New Young Voters in Malaysia

ABSTRACT

The eligible voters age limit from 21 years to 18 years and triggered the issue of political participation readiness among new young voters in Malaysia. This study claims that media literacy skills from political information process dimension influence the political participation readiness. This study aims to evaluate the influence of media literacy skills from political information process dimension towards political participation readiness. There are seven political information process skills that are verified such as analysis, evaluation, grouping, induction, deduction, synthesis and abstract. By using survey

and simple random sampling towards 547 respondents aged 18 to 26 years, this study, strategize data collection to represent the population of new young voters in Malaysia. The map of Malaysia is divided into North, South, East, West and Borneo Zones covering urban and rural areas. This study reported that the skills of induction, deduction and synthesis have positive influence towards political participation readiness among new young voters in Malaysia. However, the skills of analysis, evaluation, grouping and abstracting do not have any significant influence. This study suggests a strategic collaboration between the Ministry of Youth and Sports with the Malaysian Election Commission, the Ministry of Communications and the Ministry of Digital in the National Service Training Program (PLKN). This initiative is expected increase the level of political participation readiness among new young voters in Malaysia.

Keywords: *Media literacy, new young voters, political information processing skills, political participation, voting.*

PENGENALAN

Evolusi teknologi media pada hari ini telah mengubah sfera politik global. Teknologi media telah menjadi kuasa transformatif dalam membentuk landskap politik, khususnya dalam kalangan generasi muda dan ini mendorong penggubalan dasar penurunan had umur mengundi di seluruh dunia termasuk Malaysia (Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia, t.th.). Usul yang dibawa oleh kerajaan Pakatan Harapan untuk menurunkan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun telah mendapat sokongan majoriti dan membawa kepada penggubalan Rang Undang-undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019. Asas kepada penggubalan dasar ini adalah golongan muda terutama pengundi muda baharu yang terdedah secara ekstrim dengan penggunaan media terutama media sosial mempunyai minat politik yang tinggi, di samping pengetahuan politik yang mampan sehingga mendorong mereka menyertai aktiviti politik (Sinar Harian, 2019). Namun, penurunan had umur mengundi ini tanpa kajian empirikal dan dilaporkan hanya memenuhi manifesto parti politik dijangka menimbulkan pelbagai isu kesediaan dan antaranya adalah isu kesediaan penyertaan politik (Yi et al., 2023).

Sorotan kajian lepas melaporkan penggubalan dasar penurunan had umur mengundi membawa kerajaan kepada pelbagai isu kesediaan penyertaan politik seperti pengundi muda baharu yang kurang minat politik (Mohd Zamirul, 2022; Nizah & Bakar, 2022) dijangka tidak minat mencari maklumat politik sehingga memberi kesan kepada motivasi untuk menyertai aktiviti politik terutama keluar mengundi semasa hari pilihan raya (Yi et al., 2023). Kajian Yi et al. (2023) melaporkan cetek pengetahuan politik dan kurang kemahiran proses maklumat politik, akhirnya menyebabkan pengundi muda baharu berhadapan dengan sindrom 'Tidak Pasti,' iaitu "Tidak pasti nak undi calon yang mana," "Tidak pasti nak undi parti mana," dan akhirnya "Tidak pasti nak mengundi ke tidak." Sindrom 'Tidak Pasti' ini berkait rapat dengan isu kesediaan penyertaan politik dan isu ini memberi kesan kepada kestabilan politik negara serta pertumbuhan ekonomi (Ismayuddin & Besar, 2022). Lebih kronik lagi apabila isu pengundi muda baharu yang mempunyai tahap rendah kesediaan penyertaan politik dan ketidaktentuan sfera politik negara yang mampu memberi kesan terhadap keamanan serta keselamatan nasional (Nizah & Bakar, 2022). Oleh itu, kajian ini berpendapat kemahiran literasi media, iaitu kemahiran proses maklumat terutama maklumat politik adalah penting dalam menangani isu kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu (Park et al., 2023).

Penggunaan media baharu untuk mendapatkan maklumat dilaporkan mampu meningkatkan penyertaan politik secara dalam talian dan ini menuntut pengguna media terutama golongan muda untuk mempunyai kemahiran literasi media. Pendedahan maklumat politik dalam platform digital secara ekstrim adalah signifikan dalam membentuk minat dan pengetahuan politik dalam kalangan golongan muda. Tuntutan kemahiran literasi media seiring dengan perubahan teknologi komunikasi dan media adalah untuk memastikan pengguna media mahir mengakses maklumat politik dan mendorong tindakan menyertai aktiviti politik (Kahne & Bowyer, 2019). Aktiviti politik seperti memuatnaik kandungan politik, terlibat dengan forum isu politik dalam talian dan mahir mencipta kandungan politik adalah kemahiran asas yang membentuk minat individu. Menurut Aufderheide (1992), selain akses, analisis dan penilaian, kemahiran cipta kandungan media cetak serta media elektronik adalah asas kemahiran literasi media. Perkembangan teknologi menuntut kemahiran literasi diperluaskan dalam konteks penciptaan kandungan visual dan digital (Hobbs & Frost, 2003). Kemahiran penciptaan digital memberi manfaat kepada golongan muda kerana Livingstone dan Mascheroni (2023) berpendapat kemahiran ini membuka akses kepada pengguna media untuk meneroka pelbagai sumber maklumat media dan ini membentuk pengetahuan yang luas.

Namun, kebanyakan penyelidik literasi media hanya fokus kepada akses dan penciptaan kandungan media. Kurang perhatian terhadap kemahiran memproses maklumat media terutama maklumat politik. Ini kerana sorotan kajian terdahulu berpendapat pendedahan ekstrim kepada maklumat politik dalam platform media membentuk minat dan pengetahuan politik (Sannusi, 2020). Namun, terdapat dakwaan bahawa pendedahan ekstrim ini memberi kesan negatif kepada minat dan kecenderungan politik dalam kalangan golongan muda (Klopfenstein Frei et al., 2024; Feezell, 2021). Kajian Feezell (2021) melaporkan kemahiran akses maklumat politik melalui laporan berita terutama di Twitter tidak membentuk minat politik dalam kalangan golongan muda walaupun telah mendapat pendedahan kandungan berita politik yang ekstrim. Ini berikutan kandungan media digital yang mengandungi unsur propaganda yang digunakan bagi tujuan estetik, kempen dan promosi entiti politik terhidang secara terang-terangan dalam platform media sosial (Hobbs, 2020). Kritikan terhadap kemahiran literasi media turut mendorong Mihailidis (2021) tampil dengan kenyataan bahawa terdapat hubungan antara literasi media dan amalan demokrasi, di mana kemahiran literasi media adalah tuntutan serta amat penting bagi membentuk sfera demokrasi yang matang, rakyat yang mempunyai tanggungjawab sosial dan adil (Uršič & Jurak, 2023).

Kepentingan kemahiran proses maklumat politik daripada teori literasi media adalah faktor yang mendorong kepada penyertaan politik (Pérez-Escoda et al., 2021; Brown & Marmarà, 2022; Park et al., 2023; Cappello & Siino, 2023; Hameleers, 2023; Guerola-Navarro et al., 2023; Duan, 2023). Kajian Brown and Marmarà (2022) melaporkan literasi media dalam kalangan pengundi muda adalah signifikan dalam membentuk ideologi politik yang matang sehingga mendorong tindakan mengundi ketika pilihan raya. Di samping itu, kemahiran literasi turut menyumbang kepada kemampuan sistem demokrasi (Uršič & Jurak, 2023) dan meningkatkan penyertaan masyarakat dalam penggubalan dasar (Guerola-Navarro et al., 2023). Kemahiran literasi media ini turut membentuk pemikiran kritis (Swart, 2023) melalui pendedahan kepada maklumat politik terkini daripada pelbagai sumber dan keupayaan menilai sumber sahih dalam platform media membentuk ideologi politik yang matang. Apabila golongan muda mempunyai tahap tinggi literasi media, iaitu mahir proses maklumat

politik, maka pengundi muda baharu ini telah mempunyai tahap kesediaan penyertaan politik yang tinggi dan ini mendorong kepada tindakan mengundi ketika pilihan raya (Uršič & Jurak, 2023). Kemahiran literasi media mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap aktiviti penyertaan politik seperti menyertai aktiviti sivik (Cappello & Siino, 2023) dan mencipta kandungan politik dan mengundi ketika pilihan raya (Kasmani, 2022). Kemahiran literasi media membentuk pemikiran kritis melalui keupayaan proses maklumat politik dan ini membentuk struktur pengetahuan politik yang mampan sehingga mendorong pengundi muda menyertai aktiviti politik. Kepentingan kemahiran literasi media dalam arena politik bukan sahaja membentuk pemikiran kritis (Selnes, 2023), malah kemahiran ini turut menjadi penapis kepada maklumat politik palsu (Pérez-Escoda et al., 2021), berunsur provokasi dan kebencian (Aziz & Briel, 2024) serta kecelaruan maklumat (Park et al., 2023). Justeru itu, sorotan kajian lepas telah membuktikan secara empirikal bahawa kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda adalah signifikan dalam membentuk kemahiran kritis untuk proses maklumat politik dan hal ini meningkatkan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda.

Walaupun kepentingan kemahiran proses maklumat daripada teori literasi media adalah signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dilaporkan secara meluas dalam bidang komunikasi politik, namun terdapat jurang kajian yang kurang diberi perhatian. Sorotan kajian terdahulu terhadap penyertaan politik fokus kepada pengundi muda, pengundi berpengalaman dan pengundi senior berbanding pengundi muda baharu. Kesediaan pengundi muda baharu terutama di Malaysia adalah konteks baharu yang menuntut perhatian menyelidik terutama merungkai struktur proses maklumat politik mereka. Kajian pengundi muda baharu di Malaysia lebih cenderung kepada corak pengundian pengundi muda baharu (Nizah & Bakar, 2022; Razali & Hani, 2022), tingkah laku mengundi, tahap pengetahuan politik pengundi muda baharu dan trend penyertaan politik pengundi muda baharu dalam talian (Nizah & Sharif, 2020). Terdapat kajian yang fokus kepada kesediaan penyertaan politik seperti kajian oleh Mohd Zamirul (2022) dan Tajuddin et al. (2023). Namun, perbincangan kajian Mohd Zamirul (2022) dan Tajuddin et al. (2023) adalah berdasarkan data deskriptif serta kurang perhatian diberikan kepada pengujian pengaruh struktur proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu, khususnya dalam aspek kemahiran proses maklumat politik (Joni et al., 2022).

Kajian ini mengadaptasi struktur proses maklumat daripada teori literasi media daripada Potter (2019) yang menyenaraikan tujuh kemahiran proses maklumat yang wajar dikuasai oleh pengguna media, iaitu kemahiran analisis, penilaian, pengelompokan, induksi, deduksi, sintesis dan abstrak. Kebanjiran maklumat dalam media terutama media sosial pada hari ini menuntut pengguna media terutama pengundi muda baharu mempunyai kemahiran proses maklumat, khususnya maklumat politik (Potter, 2021). Kemahiran ini mampu menjadi benteng kepada pengundi muda baharu daripada kecelaruan maklumat seperti maklumat palsu, tidak tepat dan maklumat berunsur provokasi (UNESCO, 2018) yang memberi kesan kepada kesediaan penyertaan politik mereka (Obermaier & Schmuck, 2022). Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk 1) menganalisis tahap kemahiran literasi media daripada dimensi struktur proses maklumat politik dan 2) menilai pengaruh literasi media daripada dimensi struktur proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia.

SOROTAN KAJIAN

Pengundi Muda Muda Baharu

Pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 pada 19 November 2022, pengundi muda berusia 18 tahun ke atas dapat mengundi untuk kali pertama, setelah pindaan Perlembagaan Persekutuan terhadap Perkara 47 dan 119 Persekutuan pada 16 Julai 2019 yang memperuntukkan penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Pindaan ini mendapat sokongan majoriti di Dewan Rakyat dengan dibawa bersama usul pendaftaran pengundi muad baharu secara automatik (Mohd Zamirul, 2022). Pelbagai istilah digunakan oleh penyelidik di Malaysia untuk merujuk pengundi muda baharu seperti pengundi kali pertama (Razali & Hani, 2022), pengundi baharu, pengundi muda baharu (Zullaile et al., 2023), pengundi muda (Nizah & Bakar, 2022), pengundi belia awal, belia pertengahan (Yi et al., 2023) dan pengundi muda baharu turut dikelompokkan kepada Generasi Z serta Generasi Y yang mempunyai pengalaman baharu sebagai pengundi ketika pilihan raya (Razali & Hani, 2022).

Memandangkan polisi penurunan had umur mengundi baharu sahaja dilaksanakan pada tahun 2019 dan berkuatkuasa Disember 2021 (Kasmani, 2023), maka rata-rata penyelidik di Malaysia cenderung menggunakan istilah Undi 18 (Insani et al., 2020; Mohd Zamirul, 2022; Tajuddin et al., 2023; Yi et al., 2023) baharu yang merujuk kepada warganegara di Malaysia yang berusia 18 tahun yang mula menyertai aktiviti politik ketika Pilihan Raya Umum ke 15. Secara umumnya, pengundi muda baharu merujuk kepada warganegara yang berusia 18 tahun pada bulan dan kelahiran mereka dan secara automatik mereka didaftarkan sebagai pengundi (Nizah & Sharif, 2020). Namun, bagi kajian ini istilah pengundi muda baharu ini diluaskan kepada pengundi muda yang belum mengundi ketika Pilihan Raya Umum ke 14 pada tahun 2018 dan merupakan pengundi kali pertama ketika Pilihan Raya Umum ke 15, iaitu tahun 2022. Ini bermakna warganegara yang berusia 18 tahun hingga 26 tahun (mengikut bulan dan tahun) adalah kategori pengundi muda baharu bagi kajian ini.

Literasi Media dalam Konteks Politik

Dalam laporan Persidangan Kepimpinan Kebangsaan mengenai Media Literasi yang disediakan oleh Aufderheide (1992) menyatakan tiga cabaran pengguna media dan salah satunya adalah fenomena panik moral (moral panic). Panik moral merujuk kepada perspektif yang melihat media sebagai penyumbang kepada penghakisan nilai moral melalui pendedahan kepada kandungan media. Justeru itu, dalam laporan persidangan yang dihadiri oleh sarjana dan pengamal media ini mencadangkan agar pengguna media wajar mempunyai kemahiran literasi media. Kemahiran literasi media merujuk kepada individu yang celik media mampu menilai, menganalisis dan menghasilkan kandungan media yang mempunyai nilai moral. Dalam konteks politik, kepentingan literasi media adalah asas kepada pembentukan kesedaran politik dan penglibatan sivik dan yang membawa kepada pelaksanaan sistem demokrasi berkualiti (Park et al., 2023). Ini kerana media literasi menjadi panduan dan pengukuran analisis politik bagi mengenalpasti kesedaran politik dan pengetahuan demokratik yang mendorong kepada penyertaan aktiviti politik (Aufderheide, 1992).

Pendapat ini selari dengan penyelidik literasi media yang menyatakan kepentingan kemahiran literasi media sebagai banteng kepada kesan negatif penggunaan media seperti pendedahan kepada maklumat palsu (Hameleers et al., 2024), maklumat konspirasi (Metzler & Garcia, 2023), propaganda politik (Hobbs et al., 2022), maklumat politik yang dimanipulasi oleh parti politik (Levitskaya, 2022) dan maklumat politik yang berunsur kebencian (Aziz &

Briel, 2024). Kemahiran literasi media memberi penekanan tentang keupayaan mencari, menilai dan mengesahkan maklumat politik secara berkesan dalam pelbagai platform media (Hobbs, 2020). Definisi kemahiran literasi media oleh Hobbs (2020) diberi perincian oleh Dame Adjin-Tettey (2022). Kajian Dame Adjin-Tettey (2022) menerangkan secara terperinci tentang proses maklumat dalam kemahiran literasi media, iaitu keupayaan menganalisis kebolehpercayaan platform media sebagai saluran maklumat, menilai sudut tatabahasa dan tanda baca, menilai maklumat media dan sumber yang digunakan adalah sahih serta dipercayai.

Bagi Potter (2022) pula kemahiran literasi media terbahagi kepada kemahiran pendedahan maklumat di media, kemahiran proses maklumat media, kemahiran mencipta maklumat media, kemahiran berinteraksi dengan pengguna media yang lain dan kemahiran reflektif, iaitu keupayaan untuk melibatkan diri dalam aktiviti forum di media. Bagi kemahiran proses maklumat media, Potter (2021) memperincikan tujuh kemahiran, iaitu analisis (mencari maklumat), penilaian (menilai maklumat terkini), pengelompokan (mengelompok jenis maklumat), induksi (menilai sumber maklumat sahih), deduksi (guna maklumat untuk memandu tindakan), sintesis (mencipta maklumat) dan abstrak (berkongsi maklumat dengan orang lain). Tujuh kemahiran ini adalah selari dengan idea Livingstone dan Mascheroni (2023).

Menurut Livingstone dan Mascheroni (2023) kemahiran literasi media perlu merangkumi empat aspek utama yang selari dengan teknologi komunikasi dan media hari ini, iaitu kemahiran teknikal (mengurus dan mengendalikan media), kemahiran proses maklumat (mencari, memilih dan menilai sumber maklumat), kemahiran komunikasi (berinteraksi dan berkomunikasi dengan pengguna media yang lain) dan kemahiran penciptaan maklumat (mencipta dan menerbitkan kandungan media yang berkualiti dan serta berimpak). Secara dasarnya, jika diadaptasi dalam konteks politik kemahiran literasi media daripada aspek proses maklumat membentuk pengguna media untuk mencari maklumat politik daripada pelbagai platform media, menilai maklumat politik terkini (Geers et al., 2020), mengelompok jenis maklumat politik, menilai sumber maklumat politik sahih (Sani et al., 2024) dan ini mendorong kepada penciptaan maklumat politik (Swart, 2023) serta berinteraksi dengan pengguna media yang lain berdasarkan maklumat politik yang diperolehi (Uršič & Jurak, 2023). Penciptaan maklumat politik dan berinteraksi dengan pengguna media yang lain adalah titik permulaan kepada penyertaan politik, khususnya dalam kalangan pengundi muda baharu.

Kepentingan kemahiran literasi media dalam aspek struktur proses maklumat politik secara empirikal adalah signifikan sebagai benteng kepada impak media (Potter, 2021). Namun, kajian literasi media dalam konteks politik di Malaysia menuntut perhatian sarjana komunikasi politik untuk merungkai pengaruh kemahiran literasi media terhadap penyertaan politik. Terkini, kajian Sani et al. (2024) melaporkan kemahiran literasi media dalam menganalisis maklumat politik di media sosial secara langsung menarik minat dan membentuk kesedaran belia dalam aktiviti politik. Pengguna media yang terdedah dengan maklumat politik dan mempunyai tahap tinggi struktur proses maklumat politik dilaporkan mampu mengelakkan diri daripada menjadi mangsa keclaruan maklumat (Akram et al., 2023) dan tindakan radikal (Akram & Nasar, 2023) serta meningkatkan semangat patriotisme (Loh et al., 2021). Namun, kajian literasi media dalam konteks politik di Malaysia kurang memberi fokus kepada pengundi muda baharu dan kesediaan penyertaan politik yang penting untuk diterokai bagi mengembangkan bidang ilmu komunikasi politik di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah tinjauan ke atas 547 responden dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia yang berusia 18 tahun hingga 26 tahun berdasarkan usia yang belum mengundi pada Pilihan Raya Umum ke 14 serta termasuk dalam kelompok polisi Undi18. Pengumpulan data mengambil masa 1 bulan, iaitu bermula tarikh Pilihan Raya Umum ke-15 yang berlangsung pada 19 November 2022. Data kajian dianalisis dengan menggunakan ujian deskriptif bagi memperoleh data untuk objektif kajian yang pertama iaitu menganalisis tahap kemahiran literasi media daripada dimensi proses maklumat politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Manakala, ujian inferensi iaitu statistik regresi berganda digunakan untuk menilai pengaruh kemahiran literasi media daripada dimensi proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Bagi memastikan pengumpulan data yang menyeluruh meliputi seluruh populasi Malaysia termasuk kawasan bandar dan luar bandar, kajian ini membahagikan populasi ini kepada lima zon iaitu Zon Utara (Kedah, Pulau Pinang), Zon Selatan (Melaka, Johor Bahru), Zon Timur (Pahang, Terengganu), Zon Barat (Selangor, Kuala Lumpur) dan Zon Borneo (Sabah, Sarawak). Sampel kajian dipilih secara rawak dengan memastikan jumlah responden mewakili populasi sebenar pengundi muda baharu di Malaysia.

Jadual 1: Populasi pengundi muda baharu mengikut zon, kawasan dan jantina

Zon	Negeri	Kawasan	Jantina		Populasi Sasaran
			Lelaki	Perempuan	
Zon Utara	Kedah	Luar Bandar	326,900	291,100	618,000
	P. Pinang	Bandar	235,100	226,500	461,600
Zon Selatan	Melaka	Luar Bandar	135,000	126,300	261,300
	Johor	Bandar	540,400	472,200	1,012,600
Zon Timur	Terengganu	Luar Bandar	175,400	173,100	348,500
	Pahang	Bandar	260,100	216,000	476,100
Zon Barat	Kuala Lumpur	Bandar	213,400	194,000	407,400
	Selangor	Luar Bandar	843,000	750,600	1,593,600
Zon Borneo	Sarawak	Bandar	432,800	386,300	819,100
	Sabah	Luar Bandar	699,400	631,500	1,330,900
Jumlah Keseluruhan					7,329,100

Berdasarkan Jadual 1, populasi responden turut dibahagikan kepada kawasan luar banda dan bandar. Penentuan ini adalah berdasarkan data yang diperolehi daripada Portal Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan. Bagi negeri yang ditetapkan sebagai luar bandar adalah negeri Kedah, Melaka, Selangor dan Sabah. Manakala, Pulau Pinang, Johor Bahru, Pahang, Kuala Lumpur dan Sarawak adalah dikategorikan negeri bandar.

a. Kerangka kajian



Rajah 1: Kerangka kajian yang diadaptasi daripada Teori Literasi Media Potter (2019)

Rajah 1 menunjukkan kerangka kajian daripada Teori Literasi Media daripada aspek struktur proses maklumat politik. Kajian ini berpendapat pengaruh struktur kemahiran proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Justeru itu, hipotesis kajian dibentuk berdasarkan sorotan kajian lepas mengenai pengaruh kemahiran literasi media daripada aspek struktur proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik. Hipotesis kajian ini adalah:

- H1** : Kemahiran literasi media daripada aspek analisis mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia
- H2** : Kemahiran literasi media daripada aspek penilaian mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia
- H3** : Kemahiran literasi media daripada aspek pengelompokan mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia
- H4** : Kemahiran literasi media daripada aspek induksi mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia
- H5** : Kemahiran literasi media daripada aspek deduksi mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia
- H6** : Kemahiran literasi media daripada aspek sintesis mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia
- H7** : Kemahiran literasi media daripada aspek abstrak mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia

b. Instrumen kajian

Bagi item pengukuran struktur kemahiran proses maklumat politik, kajian ini mengadaptasi kajian Potter (2019) dan (Batool & Jabeen, 2017) yang menyenaraikan tujuh kemahiran proses maklumat politik iaitu analisis, penilaian, pengelompokan, induksi, deduksi, sintesis dan

abstrak. Kemahiran analisis merujuk keupayaan pengguna media mencari sumber maklumat, penilaian adalah kemahiran menilai maklumat yang terkini dan pengelompokan pula adalah kemahiran mengelompok jenis maklumat sama ada maklumat berbentuk hiburan atau politik. Kemahiran induksi merujuk kepada keupayaan mencari maklumat sah dan deduksi adalah kemahiran mengenalpasti media yang mempengaruhi keputusan menyertai politik. Seterusnya adalah kemahiran sintesis yang merujuk kepada kemahiran mencipta kandungan media dan abstrak adalah keupayaan berkongsi maklumat kepada pengguna media yang lain. Setelah melalui proses kesahan instrumen kajian, nilai Cronbach Alpha bagi setiap konstruk dilaporkan dalam Jadual 3.

Jadual 2: Kesahan instrumen kajian

Konstruk	Nilai Cronbach Alpha
Analisis	.924
Penilaian	.926
Pengelompokan	.939
Induksi	.947
Deduksi	.908
Sintesis	.977
Abstrak	.975

Jadual 3 menunjukkan nilai Cronbach Alpha bagi konstruk analisis, penilaian, pengelompokan, induksi, deduksi, sintesis dan abstrak. Instrumen kajian ini diadaptasi daripada instrumen kajian lepas dan telah melalui kesahan pakar, kesahan bersemuka dan kajian rintis, kesahan instrumen. Oleh itu, kesemua nilai cronbach alpha melebihi 0.7 dan ini bertepatan dengan Petreson (1994) yang melaporkan nilai ini lebih popular dalam menentukan kesahan item pengukuran.

DAPATAN KAJIAN

Seramai 547 responden telah menjawab soal selidik kajian ini dan dilaporkan 65.4% (358) responden perempuan dan 34.6% (189) responden lelaki. Seramai 88.5% (484) responden kajian ini tidak pernah mempunyai pengalaman mengundi, manakala 11.5% (63) pernah mengundi terutama ketikan Pilihan Raya negeri yang dilaksanakan di negeri Melaka, Johor, Sabah dan Sarawak. Majoriti responden sedang melanjutkan pengajian (70.6%), manakala 386 responden dengan tahap pendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), iaitu seramai 161 responden. Kajian ini melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia dikategorikan sebagai pengguna media aktif apabila menggunakan media melebihi 4 jam sehari (62.9%), manakala hanya 51 responden menggunakan media antara 0 hingga 1 jam ke bawah (9.3%).

Jadual 3: Dapatan demografi responden

Pemboleh ubah	Kekerapan	Peratusan (%)
Umur		
18-20	323	59.1
21-23	166	30.3
24-26	58	10.6
Saya pernah mengundi		
Ya	63	11.5
Tidak	484	88.5

Jantina		
Lelaki	189	34.6
Perempuan	358	65.4
Etnik		
Melayu	396	72.4
Cina	33	6.0
India	14	2.6
Lain-lain	34	6.2
Pendidikan		
SPM	161	29.4
STPM/STAM/Pra Diploma	66	12.1
Matrikulasi	16	2.9
Diploma	103	18.8
Ijazah Sarjana Muda	171	31.3
Sarjana	8	1.5
Lain-lain	22	4.0
Kekerapan menggunakan media (per hari)		
Tidak menggunakan media	10	1.8
kurang 1 jam	41	7.5
1 jam hingga 3 jam	152	27.8
4 jam hingga 6 jam	186	34.0
Melebihi 6 jam	158	28.9
Platform media untuk mencari maklumat politik (pilih SATU yang utama)?		
Media Cetak (Majalah/Surat khabar)	20	3.7
Media Elektronik (Televisyen/Radio)	18	3.3
Media Sosial (Instagram, Twitter, Facebook, Tiktok, dll.)	509	93.1
Tujuan penggunaan media sosial untuk (Pilih TIGA yang utama)		
Perniagaan	126	23.0
Hiburan	466	85.2
Sosial	462	84.5
Pendidikan	314	57.4
Kempen politik	12	2.2
Isu semasa	139	25.4
Berita politik	73	13.3
Total	547	100

Objektif kajian ini adalah untuk menilai pengaruh kemahiran literasi media dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia dan penilaian kajian ini menghasilkan sebuah model kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu daripada faktor kemahiran proses maklumat politik. Spesifikasi model ini melibatkan 68 item, iaitu tujuh item analisis, tujuh item bagi penilaian, 12 item bagi pengelompokan, 12 item bagi induksi, tujuh item bagi deduksi, 10 item bagi sintesis dan 13 item bagi abstrak. Berdasarkan Jadual 4, model pengukuran menunjukkan nilai $\chi^2/df = 8.413$, RMSEA = 0.117, GFI = 0.374, CFI = 0.670, IFI = 0.671, NFI = .643, TLI = 0.657, PGFI = 0.349. Ini menunjukkan bahawa keseluruhan model CFA tersebut tidak boleh diterima dan tidak melepasi piawai bagi padanan yang baik (Kline, 2010; Schumacker & Lomax 2010) kerana indeks *Goonest-of-fit* bagi model pengukuran struktur proses maklumat politik tidak mempunyai padanan yang baik.

Jadual 4: Indeks *Goodnest-of-fit* bagi model pengukuran struktur kemahiran proses maklumat politik

Chi-Square (χ^2)	18415.518
df	2189
χ^2/df	8.413
P	0.000
RMSEA	0.117
GFI	0.374
CFI	0.670
IFI	0.671
NFI	0.643
TLI	0.657
PGFI	0.349

Justeru itu, model ini perlu dimodifikasi bagi memperbaiki padanannya agar model ini mewakili data sampel atau data yang sebenar dengan lebih baik. Modifikasi dilakukan dengan merujuk kepada indeks modifikasi. Keputusannya, beberapa item model ini disingkirkan kerana mempunyai *Modification Indice* (MI) yang tinggi sehingga mempengaruhi bacaan indeks diskriminan dan mempunyai persamaan item yang tinggi antara dua item serta konstruk yang lain (Hair et al., 2014). Laporan analisis faktor kajian ini dinyatakan dalam Jadual 6, di mana kajian ini menganalisis ketekalan dalaman, konvergen dan kesahan diskriminasi (Uthaya Chanthira et al. 2022). Konsistensi dalaman diukur menggunakan nilai alpha Cronbach, kesahan konstruk (CR) dan pemuatan faktor (convergent validity) telah diuji menggunakan *factor loading* dan Varian Purata Diekstrak (AVE). Item yang disingkirkan bagi kemahiran analisis adalah AN1, AN2, AN3, AN6, manakala bagi kemahiran penilaian adalah N4, N5, N6, N7. Bagi kemahiran pengelompokan, item yang disingkirkan adalah P1, P2, P3, P4, P5, P6, P7, P8 dan item yang disingkirkan bagi kemahiran induksi adalah IN1, IN2, IN3, IN4, IN6, IN7, IN8. Terdapat empat item yang disingkirkan dalam kemahiran deduksi, iaitu D1, D2, D3, D3 dan bagi kemahiran abstrak item yang disingkirkan ialah A2, A3, A7, A10, A11.

Setelah item-item tersebut disingkirkan analisis kedua ke atas model kesediaan penyertaan politik bertambah baik. Jadual 5 melaporkan kesahan dan *factor loading* bagi model pengukuran menunjukkan Indeks *Goodnest-of-fit* bagi model pengukuran struktur kemahiran proses maklumat politik.


Jadual 5: Indeks *Goodnest-of-fit* bagi model pengukuran struktur kemahiran proses maklumat politik

Chi-Square (χ^2)	2207.824
df	471
χ^2/df	4.688
P	0.000
RMSEA	0.080
GFI	0.795
CFI	0.919
IFI	0.919
NFI	0.899
TLI	0.903
PGFI	0.629

Kajian ini melaporkan nilai $\chi^2/df = 4.688$, RMSEA = 0.080, GFI = 0.795, CFI = 0.919, IFI = 0.919, NFI = 0.899, TLI = 0.903, PGFI = 0.629. Oleh itu, model pengukuran CFA bagi struktur proses maklumat politik dalam kajian ini mencapai padanan yang baik.

Jadual 6: Kesahan dan *factor loading*

Kod Item	Pernyataan Item	Statistik Loading	Nilai Cronbach Alpha	CR	AVE
AN4	Analisis maklumat politik di Twitter	0.570***	0.807	0.757	0.522
AN5	Analisis maklumat politik di Instagram	0.783***			
AN7	Analisis maklumat politik di WhatsApp	0.885***			
N1	Menilai maklumat politik terkini di surat khabar	0.722***	0.849	0.726	0.500
N2	Menilai maklumat politik terkini di televisyen	0.752***			
N3	Menilai maklumat politik terkini di Facebook	0.788***			
P9	Mengelompok maklumat hiburan di TikTok	0.581***	0.882	0.783	0.506
P10	Mengelompok maklumat politik di TikTok	0.835***			
P11	Mengelompok maklumat hiburan di WhatsApp	0.706***			
P12	Mengelompok maklumat hiburan di WhatsApp	0.944***			
IN5	Kenalpasti maklumat politik sahii di Twitter	0.715***	0.913	0.856	0.554
IN9	Kenalpasti maklumat politik sahii di TikTok	0.807***			
IN10	Kenalpasti maklumat politik palsu di TikTok	0.826***			
IN11	Kenalpasti maklumat politik sahii di TikTok	0.860***			
IN12	Kenalpasti maklumat politik palsu di WhatsApp	0.835***			
D5	Maklumat politik di Instagram bentuk sedia penyertaan politik	0.835***	0.891	0.821	0.567
D6	Maklumat politik di TikTok bentuk sedia penyertaan politik	0.845***			
D7	Maklumat politik di WhatsApp bentuk sedia penyertaan politik	0.893***			
S1	Cipta teks kandungan politik di Facebook	0.807***	0.977	0.952	0.733
S2	Cipta video kandungan politik di Facebook	0.892***			
S3	Cipta teks kandungan politik di Instagram	0.910***			
S4	Cipta video kandungan politik di Instagram	0.941***			
S5	Cipta teks kandungan politik di Twitter	0.926***			
S6	Cipta video kandungan politik di Twitter	0.919***			
S7	Cipta teks kandungan politik di TikTok	0.926***			
S8	Cipta video kandungan politik di TikTok	0.906***			
S9	Cipta teks kandungan politik di WhatsApp	0.880***			
S10	Cipta video kandungan politik di WhatsApp	0.905***			
A1	Kongsi maklumat politik berbentuk teks di Facebook	0.846***	0.959	0.927	0.646
A4	Kongsi maklumat politik berbentuk video di Instagram	0.859***			
A5	Kongsi maklumat politik berbentuk teks di Twitter	0.835***			
A6	Kongsi maklumat politik berbentuk video di Twitter	0.814***			
A8	Kongsi maklumat politik berbentuk teks di TikTok	0.902***			
A9	Kongsi maklumat politik berbentuk video di TikTok	0.870***			
A12	Kongsi maklumat politik berbentuk teks di WhatsApp	0.876***			
A13	Kongsi maklumat politik berbentuk video di WhatsApp	0.838***			



Rajah 2: Model penyelidikan hipotesis

Berdasarkan keputusan dalam Jadual 5 dan Rajah 2, kajian ini melaporkan kemahiran literasi media daripada aspek struktur proses maklumat politik. Oleh kerana padanan model ini boleh diterima, ini bermakna setiap hubungan yang membentuk model, boleh diterima. Ini termasuklah hubungan yang berlaku secara langsung mahupun tidak langsung, yang terdiri daripada pemboleh ubah peramal, dan kriteria. Justeru itu, pemboleh ubah peramal kajian ini, iaitu struktur proses maklumat politik mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu.

Jadual 7: Keputusan ujian hipotesis

	path	β	S.E.	p	Keputusan
H1	dv <--- AN	-.04	.082	.615	Ditolak
H2	dv <--- N	.16	.085	.067	Ditolak
H3	dv <--- P	-.12	.100	.217	Ditolak
H7	dv <--- A	-.00	.069	.983	Ditolak
H4	dv <--- In	.34	.096	***	Diterima
H5	dv <--- D	.18	.084	.037	Diterima
H6	dv <--- S	-.26	.067	***	Diterima

Nota: Path = Hubungan diantara pemboleh ubah bebas dengan pemboleh ubah terikat; β = Standardised regression coefficient; S.E. = Standard error; p = aras signifikan

Jadual 7 menyatakan faktor struktur proses maklumat politik daripada aspek kemahiran analisis (**H1**) bagi Pemboleh ubah AN ditolak kerana keputusan analisis kemahiran analisis adalah tidak signifikan, di mana nilai $p > 0.05$ ($\beta_1 = -.04$). Begitu juga kemahiran penilaian (**H2**) dengan pemboleh ubah N, kajian ini melaporkan kemahiran penilaian tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik, di mana nilai $p > 0.05$ ($\beta_2 = .16$). Bagi kemahiran pengelompokan (**H3**), kajian ini melaporkan kemahiran pengelompokan dan kemahiran abstrak (**H7**) dilaporkan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik, di mana masing-masing melaporkan nilai $p > 0.05$ ($\beta_3 = -.12$) dan ($\beta_7 = -.00$). Walau bagaimanapun, kajian ini melaporkan satu data penting yang baharu dalam bidang literasi media dan pengundi muda baharu, di mana kemahiran mengenalpasti maklumat sahih dan palsu dalam platform media, iaitu kemahiran induksi (**H4**) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia apabila nilai $p < 0.05$ ($\beta_4 = .34$). Bagi faktor maklumat politik dalam media sosial, kajian ini melaporkan kemahiran deduksi (**H5**) mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik apabila nilai $p < 0.05$ ($\beta_5 = .18$). Namun, bagi kemahiran sintesis (**H6**), iaitu kemahiran penciptaan kandungan politik di media sosial, kajian ini melaporkan sumbangan signifikan yang negatif apabila nilai $p < 0.05$ ($\beta_6 = -.26$).

PERBINCANGAN

Objektif kajian ini adalah untuk menilai pengaruh kemahiran literasi media daripada aspek analisis, penilaian, pengelompokan, induksi, deduksi, sintesis dan abstrak terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Dapatan kajian ini melaporkan kemahiran induksi, deduksi dan sintesis mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Manakala, kemahiran analisis, penilaian, pengelompokan dan abstrak dilaporkan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia.

Dapatan kajian ini melaporkan kemahiran literasi media daripada aspek kemahiran induksi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Kemahiran induksi merujuk kepada keupayaan pengguna menggunakan media untuk mencari maklumat sahih. Pengalaman menggunakan media untuk mendapatkan maklumat sahih telah mendorong pengguna media terutama pengundi muda baharu mencari maklumat politik sahih dalam pelbagai platform media seperti suratkhobar, Facebook, Twitter, Instagram, TikTok dan WhatsApp. Hal ini berkait rapat dengan faktor tahap pendidikan responden. Kajian Kajian Geers et al. (2020) melaporkan bahawa tahap pendidikan responden penting dalam menentukan keupayaan mereka menilai maklumat berita terutama di media sosial. Tahap pendidikan di pengajian telah membuka ruang dan peluang kepada responden untuk mendapat pelbagai pendedahan daripada struktur kurikulum dan penganjuran program pendidikan berkenaan literasi media. Pendedahan kepada program literasi media di universiti dilaporkan mempengaruhi tahap kefahaman responden mengenai kandungan media yang palsu atau sahih. Lebih aktif penyertaan golongan muda terhadap program literasi media, semakin tinggi kemahiran menilai maklumat politik sahih, maka tahap tinggi kesedaran politik. Perihal ini semakin mengukuhkan struktur pengetahuan politik mereka sehingga mendorong kepada tindakan menyertai aktiviti politik. Perkara ini selari dengan kajian Dame Adjin-Tetty (2022) terhadap pelajar tahun 3 jurusan Perhubungan Awam yang telah mendapat pendedahan kemahiran

literasi media melalui penganjuran program akademik dan mendapati lebih tinggi kekerapan latihan literasi media yang dilaksanakan di universiti, maka lebih rendah kecenderungan golongan muda untuk berkongsi berita palsu terutama di media sosial. Keyakinan terhadap maklumat politik di media sosial dilaporkan membentuk tindakan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia (Mohd Zamirul, 2022; Ismail et al., 2023).

Dapatan kajian ini turut melaporkan kemahiran deduksi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Kemahiran deduksi merujuk kepada kemahiran mengenalpasti fungsi media dalam mempengaruhi tindakan (Potter, 2019) dan dalam konteks ini media mendorong tindakan menyertai aktiviti politik. Ledakan teknologi komunikasi pada hari ini telah menjadikan media sebagai platform menyalurkan maklumat (Zhang et al., 2023) seperti maklumat kempen politik (Moir, 2023), maklumat parti politik (Heidenreich et al., 2024), maklumat pilihan raya (León et al., 2023) dan maklumat parlimen (Tolsma & Spierings, 2024). Pendedahan maklumat politik daripada media, sama ada media tradisional mahu pun media sosial telah membentuk struktur pengetahuan politik dalam kalangan pengundi muda baharu (Insani et al., 2020; Mohd Zamirul, 2022; Kasmani, 2023). Rujuk Jadual 3, kajian ini turut melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia merupakan pengguna media sosial yang paling aktif, di mana mereka memperuntukkan lebih daripada 6 jam menggunakan media sosial sehari (Twenge & Martin, 2020) dan majoriti responden bersetuju menggunakan media sosial untuk mencari maklumat politik. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Saputro (2023) bahawa pengundi muda baharu yang terdedah dengan media terutama media sosial cenderung menyertai aktiviti politik berdasarkan struktur pengetahuan politik yang diperolehi daripada kemahiran mengenalpasti sumber maklumat politik sah.

Selain induksi dan deduksi, kemahiran literasi media daripada aspek sintesis dilaporkan mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Kemahiran sintesis merujuk kepada kemahiran penciptaan kandungan maklumat untuk dikongsikan atau dimuatnaik dalam platform media (Potter, 2019). Kebangkitan Internet telah mendorong para sarjana literasi media membentuk satu konsep kemahiran literasi media, iaitu penciptaan yang merujuk kepada keupayaan pengguna media untuk mencipta maklumat dalam pelbagai format media seperti teks, audio dan video (Hobbs, 2020; Civila et al., 2023). Namun, keupayaan penciptaan kandungan media dalam kalangan pengguna yang semakin berkemahiran tinggi menjadikan definisi operasi penciptaan diluaskan kepada kepada keupayaan untuk mencipta kandungan media digital yang berkualiti, mahir dalam penghasilan dan penerbitan kandungan media sehingga memberi impak (Livingstone & Mascheroni, 2023). Penggunaan tinggi media sosial telah mendedahkan pengguna media terutama pengundi muda baharu terhadap kecanggihan platform digital sehingga mereka mampu mencipta kandungan media terutama kandungan media politik (Mahadian & Hashim, 2022).

Ironinya, penciptaan maklumat politik pada hari ini dalam kalangan golongan muda adalah lebih bersifat hiburan berbanding maklumat politik konvensional seperti maklumat parti politik (Heidenreich et al., 2024), maklumat pilihan raya dan maklumat demokrasi. Maklumat politik seperti parodi (Abidin, 2019), memes (Zulli & Zulli, 2022), satira (Singh & Puyok, 2021), kartun politik (Salikin & Sulaksono, 2022) dan *deepfake* (Diakopoulos & Johnson, 2021) adalah kandungan politik yang popular dicipta dalam kalangan golongan muda. Penciptaan kandungan dalam kalangan pengundi muda baharu atau Generasi Z ini berkait rapat dengan kecanggihan media sosial yang tersedia untuk diterokai oleh generasi

yang popular dengan jolokan *techno-savy* (Zeng & Abidin, 2021). Memuatnaik kandungan media berkenaan isu politik telah merangsang pengguna media sosial yang lain untuk memberi komen dan reaksi (suka, kongsi). Hal ini membuka kepada perbincangan umum sehingga membentuk pengetahuan politik golongan muda (Wold, 2023). Kandungan yang penuh dengan ekspresi dan emosi (Obermaier & Schmuck, 2022) lebih mudah tular serta mendapat perhatian pengguna media terutama media sosial yang lain. Justeru itu, trend penciptaan maklumat politik berunsur hiburan dan kecanggihan media sosial dalam penciptaan kandungan media dalam kalangan pengundi muda baharu merangsang penyertaan politik secara dalam talian.

Kajian ini melaporkan bahawa kemahiran literasi media daripada aspek analisis dan penilaian tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Hal ini amat berkait rapat dengan tahap minat politik pengundi muda baharu di Malaysia (Lee, 2020; Nizah & Sharif, 2020; Tan, 2022; Kasmani, 2023). Ketika pengumuman pelaksanaan had umur mengundi diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun, iaitu sekitar 2019 (Mohd Zamirul, 2022) penyelidik sains politik dan komunikasi politik sudah mula menerokai konteks baharu dalam kalangan pengundi, iaitu pengundi muda baharu. Ironinya, rata-rata penyelidik berpendapat penurunan had umur mengundi yang dilaksanakan ketika pemerintahan kerajaan Pakatan Harapan berdepan dengan pelbagai isu kesediaan penyertaan politik yang berpunca daripada faktor minat politik dalam kalangan pengundi muda baharu sehingga Nizah dan Sharif (2020) menyelidik untuk memberi tumpuan terhadap kajian berkaitan minat politik. Kajian Khairunisa'a dan Junaidi (2020) terhadap pengundi muda baharu di Dengkil, Selangor melaporkan majoriti responden tidak bersetuju pelaksanaan polisi penurunan had umur mengundi dilaksanakan secara drastik dan kajian minat politik terhadap pengundi muda baharu wajar diberi perhatian, (Mohd Zamirul, 2022). Selain faktor minat politik, kemahiran analisis dan penilaian maklumat politik dilaporkan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia adalah disebabkan oleh kurang pengetahuan politik (Kasmani, 2023). Kajian Kasmani (2023), melaporkan pengundi muda baharu tidak yakin untuk menyertai aktiviti politik seperti perbincangan isu politik di media sosial adalah disebabkan kurang pengetahuan politik. Pencarian maklumat politik menggunakan media terutama media sosial adalah signifikan terhadap pengundi senior (Khalida Najwa & Junaidi, 2021; Azwar & Nie, 2022) berbanding pengundi muda baharu. Justeru itu, faktor kurang minat politik dan kurang pengetahuan politik dijangkakan menjadi punca kepada kurang minat menganalisis dan menilai maklumat politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia.

Kajian ini turut melaporkan kemahiran literasi media daripada aspek pengelompokan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia, khususnya mengundi ketika pilihan raya. Kemahiran pengelompokan merujuk kepada kemahiran mengenalpasti jenis maklumat di media sama ada maklumat politik atau maklumat hiburan. Teknologi komunikasi dan media pada hari ini telah menjadikan maklumat politik lebih pelbagai sehingga menjurus kepada hiburan dan fenomena ini dinamakan sebagai fenomena politik berunsurkan hiburan atau komedi politik (Kasmani, 2022). Maklumat politik bersifat lucu, jenaka dan hiburan di platform media terutama media sosial lebih popular (Wold, 2023) golongan muda berbanding maklumat politik konvensional seperti isu semasa, ekonomi, kesihatan dan politik. Istilah politik berunsurkan hiburan merujuk kepada sebarang kandungan media (teks, audio, video) yang berkaitan isu politik, ahli politik dan parti politik dimanipulasi dalam bentuk komik

(Pratama, 2021), satira (Hussein et al., 2023), parodi (Abidin, 2019) dan Internet *Trolling* seperti *memes* (Mahadian & Hashim, 2022) dan *deepfake* (Hameleers et al., 2024). Bagi pengundi muda baharu yang terdedah dengan kandungan media yang berunsurkan komedi politik menganggap ini adalah bahan atau maklumat hiburan dan strategi memanipulasi hiburan dalam maklumat politik dianggap berkesan untuk serangan politik antara satu parti politik dengan seterusnya. Maklumat politik berunsurkan komedi dianggap kurang berbahaya untuk menyerang parti lawan kerana unsur jenaka dan komedi adalah kandungan media paling popular dan tular di media sosial (Singh & Puyok, 2021). Selain itu, maklumat politik berunsurkan hiburan ini dianggap salah satu kaedah dalam praktis kebebasan bersuara dan tidak menyalahi undang-undang, malah golongan muda yang terdedah dengan maklumat komedi politik ini mempunyai kesedaran moral yang tinggi (Hussein et al., 2023) dan cenderung menyertai aktiviti politik dengan memberi respon komen, suka dan kongsi di media sosial (Wold, 2023). Namun bagi Aziz dan Briel (2024), pendedahan kepada maklumat politik berunsur komedi sebenarnya mencetuskan api kemarahan dan kebencian dalam kalangan golongan muda. Situasi ini memberi kesan kepada kesediaan penyertaan politik mereka. Justeru itu, kajian ini mendapati kemahiran pengelompokan, iaitu keupayaan mengenali maklumat hiburan dan maklumat politik adalah tidak signifikan dengan kesediaan penyertaan politik. Hal ini berdasarkan faktor maklumat politik yang terhidang di media terutama media sosial dimanipulasi (Levitskaya, 2022) dengan elemen hiburan dan sebagai pendatang baharu dalam arena politik, pengundi muda baharu mungkin tidak sedar bahawa mereka telah terdedah dengan maklumat politik.

Bagi kemahiran literasi media daripada aspek abstrak, iaitu kemahiran berkongsi maklumat politik di media sosial telah dilaporkan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Walaupun kajian ini melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia adalah pengguna media sosial yang ekstrim, namun majoriti bersetuju bahawa berkongsi maklumat politik di media sosial adalah tindakan yang tidak popular di media sosial. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Kasmani (2023) yang melaporkan pengundi muda baharu di Malaysia tidak berminat untuk berkongsi maklumat politik di media sosial kerana tidak yakin terhadap tahap pengetahuan politik dan bimbang dikritik atau dikecam. Namun, Aggeborn et al. (2020) melaporkan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu lazimnya daripada pengaruh sosial seperti keluarga, rakan dan media. Golongan muda daripada latar belakang keluarga yang aktif politik cenderung keluar mengundi ketika pilihan raya dan dijangka bertanding sebagai calon parti politik apabila dewasa. Malaysia adalah sebuah negara yang membangun dan fokus kestabilan sosioekonomi keluarga adalah keutamaan berbanding menyertai aktiviti politik (Ismayuddin & Besar, 2022). Maka, dorongan keluarga untuk bekerja atau menyambung pengajian adalah lebih kuat berbanding menyertai aktiviti politik. Kitaran sokongan sosial pengundi muda baharu yang lemah menjadi pendorong yang kuat kepada mereka untuk tidak memuatnaik atau berkongsi maklumat politik di media sosial. Bertambah sukar lagi apabila pengundi muda baharu yang sedang menuntut di Institusi Pengajian Tinggi yang mana mereka terikat dengan Akta Universiti Kolej Universiti (AUKU) (Zain et al., 2023). Justeru itu, kemahiran abstrak yang merujuk kepada kemahiran berkongsi maklumat politik di media sosial dilaporkan tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia adalah berlandaskan kitaran sokongan sosial, iaitu peranan keluarga dan rakan yang lemah dan tidak menggalakan responden memuatnaik, berkongsi atau berbincang maklumat politik di media sosial.

KESIMPULAN

Objektif kajian ini untuk menilai pengaruh kemahiran literasi media daripada dimensi struktur proses maklumat politik terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Terdapat tujuh kemahiran proses maklumat politik yang diuji, iaitu kemahiran analisis, penilaian, pengelompokan, induksi, deduksi, sintesis dan abstrak. Dapatan kajian ini melaporkan kemahiran induksi (mahir kenal maklumat sah), deduksi (maklumat politik bentuk kesediaan penyertaan politik) dan sintesis (mahir cipta maklumat politik) mempunyai pengaruh terhadap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia. Namun, kemahiran analisis, penilaian, pengelompokan dan abstrak tidak mempunyai pengaruh yang signifikan. Kajian ini mencadangkan kerjasama strategik antara Kementerian Belia dan Sukan bersama Suruhanjaya Pilihan raya Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Kementerian Digital dalam Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) untuk pendedahan kemahiran literasi media. Kemahiran proses maklumat politik dicadangkan untuk dimasukkan dalam slot Kenegaraan kerana kepentingan kemahiran literasi media mampu membentuk pengundi yang mempunyai nilai sivik, berintegriti, matang (Park et al., 2023) dan akhirnya, membentuk ekosistem demokrasi yang berkualiti. Projek strategik serampang dua mata ini dijangka memperkasakan kemahiran literasi media terutama dalam proses maklumat politik dan meningkatkan tahap kesediaan penyertaan politik dalam kalangan pengundi muda baharu di Malaysia.

PERAKUAN/PENGHARGAAN

Penyelidikan ini telah mendapat kelulusan Etika Penyelidikan di UKM (UKM PPI/11/8/JEP-2022-691). Kajian ini mendapat pembiayaan daripada Tabung Amanah Penyelidikan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Pusat Penyelidikan Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia. Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Pusat Penyelidikan Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia atas sokongan dalam penyelidikan ini.

BIODATA

Siti Nurshahidah Sah Allam adalah calon PhD di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: p108531@siswa.ukm.edu.my

Normah Mustaffa adalah Profesor Madya di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini, beliau Pengarah di Penerbit UKM. Email: normahm@ukm.edu.my

Mohd Nor Shahizan Ali adalah Profesor Madya di Pusat Kajian Media dan Komunikasi (MENTION), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Email: shahizan@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Abidin, C. (2019). Minahs and minority celebrity: Parody YouTube influencers and minority politics in Singapore. *Celebrity Studies*, 12(4), 598-617.
- Aggeborn, L., Lajevardi, N., Lindgren, K. O., Nyman, P., & Oskarsson, S. (2020). Parents, peers, and politics: The long-term effects of vertical social ties. *Quarterly Journal of Political Science*, 15(2), 221–253.
- Akram, M., & Nasar, A. (2023). Systematic review of radicalization through social media. *Ege Academic Review*, 23(2), 279-296. <https://ouci.dntb.gov.ua/en/works/4KBK3Ag7/>
- Akram, M., Nasar, A., & Arshad-Ayaz, A. (2023). A systematic review for netizens' response to the truth manipulation on social media. *Knowledge Management & e-Learning*, 15(2), 322-342.
- Aufderheide, P. (1992). Media literacy: A report of the National Leadership Conference on Literacy. Washington.
- Aziz, J. B., & Briel, H. (2023). Visual hate speech and its discontents: Young adult Chinese and Malaysians' perception of visual hate speech. *International Journal of Communication*, 18, 27–47.
- Azwar, A. I., & Nie, K. S. 2022. Factors influencing young Malaysians' political information seeking behaviour on Twitter. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 38(3), 87–105.
- Batool, R., & Jabeen, M. (2017). Assessment of political literacy among female students at the University of Balochistan. *Pakistan Journal of Gender Studies*, 15(1), 139-156.
- Brown, M., & Marmarà, V. A. (2022). 'Media-ted' electoral campaigns: Europeanisation and postcolonial dynamics of voters' use of media platforms in Malta. *Postcolonial Directions in Education*, 11(1), 42–78.
- Cappello, G., & Siino, M. (2023). Media education and educational commons for youth civic engagement. A case study from the Horizon 2020 project SMOOTH. *Frontiers in Sociology*, 7, 1108229.
- Civila, S., Bonilla-del-Rio, M., & Aguaded, I. (2023). Social media and otherness: The case of #Islamterrorism on TikTok. *Politics and Governance*, 11(2), 114-126.
- Dame Adjin-Tetty, T. (2022). Combating fake news, disinformation, and misinformation: Experimental evidence for media literacy education. *Cogent Arts & Humanities*, 9(1), 2037229. <https://doi.org/10.1080/23311983.2022.2037229>
- Diakopoulos, N., & Johnson, D. (2021). Anticipating and addressing the ethical implications of deepfakes in the context of elections. *New Media & Society*, 23(7), 2072-2098.
- Duan, T. (2023, August). Preparing youth with media literacy for future digital civic engagement. *Proceedings of the 7th International Conference on Education and Multimedia Technology*, 315-320.
- Feezell, J. T. (2021). An experimental test of using digital media literacy education and Twitter to promote political interest and learning in American politics courses. *Journal of Political Science Education*, 17(Sup1), 634-648. <https://doi.org/m5zh>
- Geers, S., Boukes, M., & Moeller, J. (2020). Bridging the gap? The impact of a media literacy educational intervention on news media literacy, political knowledge, political efficacy among lower-educated youth. *Journal of Media Literacy Education*, 12(2), 41-53.
- Guerola-Navarro, V., Stratu-Strelet, D., Botella-Carrubi, D., & Gil-Gomez, H. (2023). Media or information literacy as variables for citizen participation in public decision-making? A bibliometric overview. *Sustainable Technology and Entrepreneurship*, 2(1), 100030.

<https://doi.org/10.1016/j.stae.2022.100030>

- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2014). *Multivariate data analysis* (7th ed.). Pearson Education.
- Hameleers, M. (2023). The (un) intended consequences of emphasizing the threats of mis- and disinformation. *Media and Communication*, 11(2), 5-14.
- Hameleers, M., van der Meer, T. G., & Dobber, T. (2024). They would never say anything like this! Reasons to doubt political deepfakes. *European Journal of Communication*, 39(1), 56-70.
- Heidenreich, T., Eberl, J. M., Tolochko, P., Lind, F., & Boomgaarden, H. G. (2024). My voters should see this! What news items are shared by politicians on Facebook? *The International Journal of Press/Politics*, 29(1), 5-25.
- Hobbs, R. (2020). Propaganda in an age of algorithmic personalization: Expanding literacy research and practice. *Reading Research Quarterly*, 55(3), 521-533.
- Hobbs, R., & Frost, R. (2003). Measuring the acquisition of media-literacy skills. *Reading Research Quarterly*, 38(3), 330-355.
- Hussein, E. E., Ibnu, I. N., Khalid, N. K. N., & Afandy, A. A. (2023). Third person effect: What's wrong with satire? *Journal of Media and Information Warfare*, 16(2), 1-14.
- Ismail, M., Adnan, Z. H., & Ishak, M. S. (2023). Kecenderungan pengundi baharu dalam Pilihan Raya Umum Ke-15. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 50(2), 224-240.
- Ismayuddin, B. F., & Besar, J. A. (2022). Pandangan belia terhadap isu sosioekonomi dan politik di kawasan Dun Peramu Jaya, Pekan, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 6(4), 1-20.
- Joni, J., Bahari, K. A., & Tajuddin, S. N. A. A. (2022). Youth's involvement in political communication towards the implementation of Undi18 in upcoming Malaysia's General Election. *Law and Political Sciences*, 3(1), 1-8.
- Kahne, J., & Bowyer, B. (2019). Can media literacy education increase digital engagement in politics? *Learning, Media and Technology*, 44(2), 211-224.
- Kasmani, F. (2022). Persuasive political humour on social media: A study of Najib Razak's Facebook posts. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 14(1), 1-17.
- Kasmani, M. F. (2023). Undi 18: Understanding the political participation of first-time Malay voters through social media. *SEARCH Journal of Media and Communication Research*, 33-48.
- Khairunisa'a Mohamad Noor, & Junaidi Awang Besar. (2020). Persepsi terhadap penurunan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun: Kajian kes di Dewan Undangan Negeri (DUN) Dengkil. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(3), 1-20.
- Khalida Najwa Khairuddin, & Junaidi Awang Besar. (2021). Tingkah laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(1), 1-17.
- Kline, R. B. (2010). Promise and pitfalls of structural equation modeling in gifted research. In B. Thompson & R. F. Subotnik (Eds.), *Methodologies for conducting research on giftedness* (pp. 147-169). American Psychological Association.
- Klopfenstein Frei, N., Wyss, V., Gnach, A., & Weber, W. (2024). "It's a matter of age": Four dimensions of youths' news consumption. *Journalism*, 25(1), 100-121.
- Lee, C. (2020). The lowered voting age in Malaysia: Who will benefit?. *ISEAS Yusof Ishak Institute*, 5, 1-8.
- León, E. D., Vermeer, S., & Trilling, D. (2023). Electoral news sharing: A study of changes in news coverage and Facebook sharing behaviour during the 2018 Mexican elections. *Information, Communication & Society*, 26(6), 1193-1209.

- Levitskaya, A. (2022). Media manipulation in the modern French and Swiss Press. *Медиаобразование*, 18(1), 97-108. <https://cyberleninka.ru/article/n/media-manipulation-in-the-modern-french-and-swiss-press>
- Livingstone, S., Mascheroni, G., & Stoilova, M. (2023). The outcomes of gaining digital skills for young people's lives and wellbeing: A systematic evidence review. *New Media & Society*, 25(5), 1176-1202.
- Loh Yoke Ling, Mohd. Nor Shahizan Ali, Normah Mustaffa, & Arandas, M. F. M. (2021). Media literacy Of Sarawak youth towards the official documentary film. *European Proceedings of Social and Behavioural Sciences*, 42-50. <https://doi.org/m5zz>
- Mahadian, A. B., & Hashim, R. (2022). Political internet memes in Indonesia: Insulting the President in the 2019 presidential election Adi Bayu. *Journal of Contemporary Issues in Media & Communication (JCIMC)*, 2, 27-57.
- Metzler, H., & Garcia, D. (2023). Social drivers and algorithmic mechanisms on digital media. *Perspectives on Psychological Science*. <https://doi.org/10.1177/17456916231185057>
- Mihailidis, P., Ramasubramanian, S., Tully, M., Foster, B., Riewestahl, E., Johnson, P., & Angove, S. (2021). Do media literacies approach equity and justice? *Journal of Media Literacy Education*, 13(2), 1-14.
- Mohd Zamirul Mohd Dzaki. (2022). Sifat dan tingkah laku politik pengundi Undi-18 di Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di Pulau Pinang. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(11), e001941-e001941.
- Moir, A. (2023). The use of TikTok for political campaigning in Canada: The case of Jagmeet Singh. *Social Media+ Society*, 9(1), 20563051231157604.
- Nizah, M. A. M., & Bakar, A. R. A. (2022). Undi 18, dinamika politik dan keselamatan negara: Analisa daripada pilihan raya negeri Johor 2022. *Journal of Public Security and Safety*, 14(2), 1-14.
- Nizah, M. A. M., & Sharif, S. M. (2020). Undi 18: Belia dan politik konvensional. *Sains Insani*, 5(1), 180-186.
- Obermaier, M., & Schmuck, D. (2022). Youths as targets: Factors of online hate speech victimization among adolescents and young adults. *Journal of Computer-Mediated Communication*, 27(4), zmac012.
- Park, S., Lee, J. Y., Notley, T., & Dezuanni, M. (2023). Exploring the relationship between media literacy, online interaction, and civic engagement. *The Information Society*, 39(4), 250-261. <https://doi.org/10.1080/01972243.2023.2211055>
- Pérez-Escoda, A., Pedrero-Esteban, L. M., Rubio-Romero, J., & Jiménez-Narros, C. (2021). Fake news reaching young people on social networks: Distrust challenging media literacy. *Publications*, 9(2), 24. <https://doi.org/10.3390/publications9020024>
- Peterson, R. A. (1994). A meta-analysis of cronbach's coefficient alpha. *Journal of Consumer Research*, 21(2), 381-391.
- Potter, W. J. (2019). *Media literacy* (9th ed.). Sage Publication Inc.
- Potter, W. J. (2021). *Digital media effects*. Sage Publication Inc.
- Potter, W. J. (2022). Analysis of definitions of media literacy. *Journal of Media Literacy Education*, 14(2), 27-43.
- Pratama, D. P. (2021, May). *Islamic fanaticism in Indonesia and Malaysia as seen through the lens of online comics and memes*. Paper presented at the Asia-Pacific Research in Social Sciences and Humanities Universitas Indonesia Conference (APRISH 2019) (pp. 82-98). Atlantis Press.

- Razali, S. Z., & Hani, M. L. H. A. (2022). "If there is a declaration of war, we welcome the war": Undi-18, TikTok election and normalisation of violence. *SINERGI: Journal of Strategic Studies & International Affairs*, 2(2), 183-198.
- Salikin, R. M. M. N., & Sulaksono, T. (2022, March). The influence of political memes in social media on the level of political participation of beginner voters in the presidential election year 2019 in Karimun district. *Proceedings International Conference on Public Organization (ICONPO 2021)*, 404-417.
- Sani, N. N. M., Adzharuddin, N. A., & Mahamed, M. (2024). Kajian pengetahuan kesahihan literasi kandungan maklumat politik di laman sosial Facebook di kalangan wanita belia di Malaysia. *EDUCATUM Journal of Social Sciences*, 10(1), 1-15.
- Sannusi, S. N. (2020). Media literacy among students in a higher learning institution on environmental issues. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 36(2), 124-142.
- Saputro, R. H. (2023). Gaining millennial and generation Z vote: Social media optimization by Islamic political parties. *Social Science Journal*, 13(1), 324-336.
- Schumacher, R. E., & Lomax, R. G. (2010). *A beginners guide to structural equation modeling: SEM*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Selnes, F. N. (2024). Fake news on social media: Understanding teens' (Dis) engagement with news. *Media, Culture & Society*, 46(2), 376-392.
- Sharif, M. S., & Nizah, M. A. (2020). Undi 18: Belia dan politik konvensional. *Sains*, 5(1), 180-186.
- Sinar Harian* (Online). (2019, Julai 16). Banyak negara dah turunkan had umur mengundi. https://www.sinarharian.com.my/article/38067/berita/nasional/banyak-negara-dah-turunkan-had-umur-mengundi#google_vignette
- Singh, H. K. M., & Puyok, A. (2021). Political satire and its influence on the youth political perception: English. *Trends in Undergraduate Research*, 4(2), 18-28.
- Suruhanjaya Pilihanraya Malaysia*. (t.th). Pelaksanaan Umur kelayakan pengundi 18 tahun dan pendaftaran Pilih Secara Automatik (PPSA). Soalan lazim (FAQ). <https://www.spr.gov.my/ms/pilihan-roya/soalan-lazim/pelaksanaan-umur-kelayakan-pengundi-18-tahun-dan-pendaftaran-pemilih>
- Swart, J. (2023). Tactics of news literacy: How young people access, evaluate, and engage with news on social media. *New Media & Society*, 25(3), 505-521.
- Tajuddin, S. N. A. A., Joni, J., & Bahari, K. A. (2023). Political communication: uncovering knowledge, attitudes and young voters' readiness for PRU-15 in Batang Padang district, Perak. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 459-472. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-26>
- Tan, J. J. (2022). Social media political information use and voting behavior of the Malaysian youth. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(9), e001725-e001725.
- Tolsma, J., & Spierings, N. (2024). Twitter and divides in the Dutch parliament: Social and political segregation in the following, @-mentions and retweets networks. *Information, Communication & Society*, 1-20. <https://doi.org/m5z6>
- Twenge, J. M., & Martin, G. N. (2020). Gender differences in associations between digital media use and psychological well-being: Evidence from three large datasets. *Journal of adolescence*, 79, 91-102. <https://doi.org/10.1016/j.adolescence.2019.12.018>

- UNESCO. (2018). Journalism, fake news & disinformation: Handbook for journalism education and training. <https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000265552>
- Uršič, E. D., & Jurak, A. P. Media Literacy, active citizenship and sustainable democracy: A case study of Slovenia. *Politics in Central Europe*, 19(s1), 393-407.
- Uthaya Chanthira, M., Hutkemri, Z. & Siti Hajar, H. (2022). Rasch model, self confidence, instrument, physical education, psychometric. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 40(2), 40–51.
- Wold, T. (2023). Letters to the public: What goes viral online? *SAGE Open*, 13(1). <https://doi.org/10.1177/21582440231155412>
- Yi, C. S., Moshidi, M. H., & Latif, N. S. F. A. (2023). Youth Readiness to Vote: A Survey in Kuching, Sarawak. *Journal of Administrative Science*, 20(2), 90–104.
- Zain, M. I. M., Adnan, Z. H., Rahman, Z. A., Arshad, M. M., Ab Razak, R. R., & Adam, A. A. (2023). Views on student political freedom post-uuca amendment and implementation of Undi18: A case study of public universities in Southern Malaysia. *Journal of Sustainability Science and Management*, 18(10), 1-18.
- Zeng, J., & Abidin, C. (2021). '# OkBoomer, time to meet the Zoomers': Studying the memefication of intergenerational politics on TikTok. *Information, Communication & Society*, 24(16), 2459-2481. <https://doi.org/10.1080/1369118X.2021.1961007>
- Zhang, Y., Tian, Z., Zhou, Z., Huang, J., & Zhu, A. Y. F. (2023). Intention to consume news via personal social media network and political trust among young people: The evidence from Hong Kong. *Frontiers in Psychology*, 13, 1065059.
- Zullaile, F. N. F., Kusrin, Z. M., Omar, A. F., & Saleh, M. M. H. (2023). Keperluan pembinaan panduan pemilihan calon pilihan raya untuk belia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 8(1), 42-50. <https://doi.org/10.26475/jcil.2023.8.1.06>
- Zulli, D., & Zulli, D. J. (2022). Extending the Internet meme: Conceptualizing technological mimesis and imitation publics on the TikTok platform. *New Media & Society*, 24(8), 1872-1890. <https://doi.org/10.1177/1461444820983603>